

## Pakej projek RM3.7b diagih untuk Bumiputera

**P**UTRAJAYA: Projek bernilai RM3.7 billion daripada pakej pembinaan Landasan Elektrik Berkembar Ipoh-Padang Besar akan ditawarkan kepada kontraktor dan pembekal Bumiputera secara berperingkat mulai bulan ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kontraktor utama projek itu, Konsortium MMC-Gamuda, mengenal pasti 335 pakej kerja daripada keseluruhan projek bernilai RM12.485 billion itu untuk diagihkan kepada kontraktor Bumiputera.

Katanya, konsortium itu akan menawarkan 62 pakej kerja untuk kontraktor Kelas A dan 69 pakej untuk Kelas B dan C.

Beliau berkata, konsortium berkenaan mengenal pasti 180 kontraktor Kelas A, B, C dan D untuk mengambil bahagian dalam tender terhadap projek itu.

"Pakej ini adalah permulaan saja dan selebihnya akan ditawarkan secara berperingkat," katanya pada majlis penyerahan surat setuju terima kepada 25 kontraktor Bumiputera dan 10 perunding kejuruteraan projek itu di sini, semalam.

Kontrak bernilai RM400 juta itu adalah bagi pelbagai kerja permulaan membabitkan pembinaan jambatan, landasan, perparitan, bangunan, stesen, pengagihan utiliti dan landskap.

Turut hadir pada majlis itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Sri Mohd Effendi Norwawi.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam menegaskan pemilihan kontraktor, pembekal dan perunding Bumiputera bagi projek itu dibuat berasaskan keupayaan dan merit dengan tiga kriteria utama menjadi asas pemilihan.

"Mereka mesti kontraktor tulen dan terbabit secara langsung dalam projek itu dengan

Oleh Shamsul Azree Shamsir  
dan Azli Ayob

## Tindakan tegas diambil

erti kata lain kita tidak mahu ketirisan mahupun projek 'dialibabakan'. Mereka mesti berkeupayaan dari segi teknikal dan kewangan. Harga mereka mesti kompetitif... kita mahu kontraktor yang terbaik," katanya.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan tegas diambil terhadap kontraktor yang gagal melaksanakan tugas mengikut jadual ditetapkan.

Katanya, kelewatan dan kegagalan bukan lagi pilihan kerana kerajaan tidak mahu projek berimpak tinggi yang mesti disiapkan dalam tempoh lima tahun lewat disebabkan sebilangan kecil kontraktor.

"Sekiranya tuan-tuan gagal, tindakan memberhentikan kerja diambil," katanya sambil menambah kerajaan akan memberi lebih banyak kerja kepada kontraktor yang mempunyai rekod cemerlang.

Najib berkata, pelaksanaan projek Landasan Elektrik Berkembar Ipoh-Padang Besar itu akan mewujudkan 105,000 peluang pekerjaan merangkumi perkhidmatan pengurusan, profesional, perkeraan dan buruh mahir.

"Projek Landasan Elektrik Berkembar sepanjang 329 kilometer dari Ipoh ke Padang Besar di Perlis adalah salah satu projek infrastruktur yang akan memberi kesan besar kepada negara," katanya.

Projek Landasan Elektrik Berkembar Ipoh-Padang Besar itu adalah sambungan kepada projek Landasan Elektrik Berkembar Rawang-Ipoh yang siap 31 Disember lalu.